

**PENILAIAN IMPAK PERLAKSANAAN PROGRAM  
PEMBANGUNAN TAMAN AGROTEKNOLOGI (PPTA)  
DI NEGERI SELANGOR**

**KHALIJAH MOHAMED YUSOF**

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penanugerahan Ijazah Sarjana Muda  
Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**29 November 2006**

## ABSTRAK

Pertanian merupakan sektor ekonomi terpenting masyarakat di luar bandar terutamanya di kalangan bumiputera. Pada hakikatnya, setiap tahun kadar import makanan negara kita meningkat akibat kadar permintaan yang tinggi terhadap bekalan makanan. Bagi menjamin sektor ini terus maju dan dapat menampung keperluan makanan penduduk negara ini, pelbagai program dan projek pembangunan pertanian telah diwujudkan melalui pendekatan atas ke bawah (*top-down*). Di antaranya, Program Pembangunan Taman Agroteknologi (PPTA) yang bermatlamat untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran makanan terpilih secara intensif dan moden merangkumi unsur-unsur penyelidikan dan pembangunan (R&D), pendidikan, pelancongan dan pemeliharaan alam sekitar. Konsep asas PPTA ialah kerajaan negeri akan merizabkan tanah pertanian untuk PPTA dan para peserta yang melibatkan diri dalam program ini perlu membayar sewa bagi kegunaan tanah dan kemudahan serta mengeluarkan modal untuk pelaburan masing-masing. Pada hakikatnya, projek ini tidak berjalan begitu lancar kerana wujudnya masalah seperti sikap petani yang bersifat konvensional, kurang menjalankan penyelidikan dan kurang menggunakan teknologi moden. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pelaksanaan PPTA dalam meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat luar bandar. Penilaian adalah sebahagian daripada kitaran hidup projek selepas fasa perancangan dan pembangunan. Penilaian penting bagi mengetahui prestasi sebenar pelaksanaan program (Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2005). Kajian terhadap pelaksanaan PPTA menjurus kepada kesan *outcome* iaitu impak jangka pendek terhadap pelaksanaan program terhadap golongan sasarannya iaitu semua peserta yang terlibat dalam pelaksanaan PPTA. Dalam kajian ini, penilaian dibuat berdasarkan indikator pengukuran yang dibentuk daripada objektif pelaksanaan PPTA dengan merujuk kepada Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan yang dikeluarkan oleh Unit ICU, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, 2005. Selain itu, masalah sebenar program yang dihadapi oleh peserta dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor akan dapat diketahui melalui temu bual yang dijalankan. Hasilnya, kekurangan projek ini dapat dilihat dan beberapa strategi serta langkah yang sesuai untuk diaplikasikan di kawasan kajian akan dicadangkan bagi memastikan kitaran hidup pelaksanaan PPTA adalah berterusan dan bertambah maju seterusnya dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

## ***ABSTRACT***

Agriculture is very important sector especially to the people in the rural areas. The important of this sector cannot be denied especially with the increasing of population. Each year, food supply produce by the country is not enough and need to be imported. In order to make sure the food production remain constant various measures has been taken including Agrotechnology Park Development Program (*Program Pembangunan Taman Agrotehcnology - PPTA*). PPTA was introduced in order to make sure those permanent agriculture areas with modern and high technology is implemented. The concept of this program is, the state government will gazette the agricultural land for PPTA in large sale and the land was rent to interested individual or company who used it to develop industrial base on agriculture. However this project, after running for few years does not really achieved its goals due to lack of some workers or farmers who still unknowledgeable to manage the land. This study is actually to analyze the impact of PPTA in increasing the socio economy and standard of living of people in rural areas. The evaluation is a part of project life cycle after planning and development phase. The evaluation of development program or project is important to know the benefit from the implementation of program (Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, 2005). In this research, the impact of evaluation are based on a few measure indicators that created from the objective of PPTA implementation. The indicators are refered from The Guideline of Development Program Evaluation done by ICU Unit, Department of Prime Ministry, Malaysia, 2005. In addition, the real problems of the PPTA impelmentation will be known from the interview with the farmers and Department of Selangor Agriulture officer. As a result, the lack of this program implementation will be known and a few strategies and activities can be adapted in the case study will be suggested to improve the PPTA project in increasing the socio economy and standard of living the communities in rural areas.